

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BERITA HARIAN MISC NASIONAL 8/2/2025 (SABTU)

# MMA gesa tambah baik terma perkhidmatan jururawat

**Putrajaya:** Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan menambah baik terma perkhidmatan jururawat bagi menjamin sistem penjagaan kesihatan lebih baik berbanding melonggarkan syarat pengambilan dalam menangani isu kekurangan petugas berkenaan.

Presidennya, Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira, berkata ia termasuk gaji lebih baik, jam kerja lebih baik dan peluang pengembangan kerjaya bukan sahaja untuk menarik pelajar jururawat baharu, malah untuk mengekalkan

bakat dalam profesion berkenaan.

“MMA mengambil maklum keputusan kerajaan menurunkan syarat kemasukan program diploma kejururawatan sebagai daripada usaha menangani kekurangan jururawat di negara ini.

“Walaupun kami mengakui kesegeraan isu ini, kami berharap perkara ini sudah dinilai sepenuhnya oleh pengawal selia dan semua pilihan dikaji semula sebelum memutuskan langkah ini yang akan berkuat kuasa bagi pengambilan dalam tempoh dua ta-

hun akan datang,” katanya dalam kenyataan semalam.

Media sebelum melaporkan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad berkata, syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilonggarkan kepada hanya tiga kredit iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Sebelum ini, syarat kemasukan ke program berkenaan memerlukan lima kredit iaitu Bahasa Melayu, Matematik atau Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, ma-

na-mana mata pelajaran Sains (Biologi, Kimia, Fizik, Sains Gunaan) serta mendapat kepujian mana-mana mata pelajaran lain.

Dr Kalwinder berkata, sistem penjagaan kesihatan Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana piawaiannya yang tinggi, dan amat penting piawaiannya itu terus dikekalkan.

Katanya, jururawat adalah ahli penting dalam pasukan penjagaan kesihatan, bekerjasama doktor dan memainkan peranan penting dalam penjagaan pesakit.

“Kerajaan harus meneroka cara

bagi meningkatkan pengambilan pelajar bagi menangani kekurangan secara mampan sambil mengekalkan kualiti pendidikan kejururawatan.

“Kita harus menangani punca kekurangan jururawat di negara ini. Sama seperti pengambilan untuk sekolah perubatan tempatan, kekurangan jururawat adalah kerana penurunan atau pendaftaran yang tidak mencukupi di sekolah kejururawatan dan kekurangan ini akhirnya memberi kesan kepada sektor penjagaan kesihatan awam dan swasta,” katanya.



Jururawat memainkan peranan penting dalam pasukan penjagaan kesihatan negara.

(Foto hiasan NSTP)

## Ibadat & Fadilat

Amru 'Abasah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:  
“Sesiapa membangun masjid yang di dalamnya dapat diperbanyakan dengan zikir kepada Allah, maka Allah akan membangunkan untuknya sebuah rumah di syurga.”  
(HR Nasai)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:26	1:35	4:56	7:31	8:42
Alor Setar	6:26	1:35	4:55	7:31	8:42
P. Pinang	6:25	1:35	4:56	7:32	8:43
Ipoh	6:22	1:33	4:53	7:30	8:42
Kuala Lumpur	6:19	1:30	4:50	7:29	8:40
Shah Alam	6:19	1:30	4:50	7:29	8:40
Johor Bahru	6:08	1:22	4:42	7:22	8:33
Kuantan	6:12	1:25	4:45	7:24	8:35
Seremban	6:16	1:29	4:49	7:29	8:40
Bandar Melaka	6:15	1:28	4:48	7:28	8:39
Kota Bharu	6:18	1:28	4:48	7:24	8:31
K. Terengganu	6:14	1:24	4:44	7:21	8:32
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:52	6:28	7:39
Kuching	5:42	12:57	4:17	6:57	8:08



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 33**  
**RUANGAN : SIHAT**

BH SABTU, 8 FEBRUARI 2025

33

SIHAT ZON

BH M1533 SIHAT 8/2/2025 (SABTU)

# Jangan pandang remeh sakit gigi, bengkak gusi



Pensyarah Pergigian Pelatih Pembedahan Oral dan Maksilofasial, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Universiti Sains Malaysia

Oleh Dr Fattirah Auni Fauzi

Ramai di antara kita memandang ringan kesihatan gigi, tetapi tahukah anda masalah dianggap kecil seperti sakit gigi atau bengkak gusi boleh membawa kepada komplikasi serius yang boleh mengancam nyawa?

Jangkitan kuman dari gigi bukan sahaja menyebabkan kesakitan, malah boleh merebak ke bahagian muka, otak, dan saluran pernafasan jika tidak dirawat.

Perkara ini boleh bertakut kepada sesiapa sahaja. Dengan kesedaran yang betul, kita dapat melindungi diri dan keluarga daripada ancaman kesihatan ini.

Jangkitan kuman biasanya bermula daripada dua masalah utama, iaitu karies gigi (gigi berlubang) dan penyakit gusi.

Karies gigi terjadi apabila lapisan enamel gigi rosak akibat asid yang dihasilkan oleh bakteria. Jika tidak dirawat, kerosakan ini boleh memecah pulpa gigi iaitu tisu lembut di tengah gigi seterusnya menyebabkan jangkitan.

Penyakit gusi pula bermula dengan keradangan gusi (*gingivitis*) akibat plak bakteria yang terkumpul di celah gigi dan gusi. Jika tidak dikawal, ia boleh berkembang menjadi *periodontitis*, di mana bakteria menyusup ke tisu yang lebih dalam, merosakkan struktur tisu di sekeliling gigi.

Jangkitan yang bermula dari gigi dan gusi boleh merebak ke bahagian lain. Jika jangkitan bermula daripada gigi atas, ia boleh merebak ke sinus sehingga menyebabkan keradangan sinus atau lebih teruk, sehingga ke bahagian otak.

Satu kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Clinical and Experimental Dentistry* pada tahun 2020 melaporkan, jangkitan dari gigi atau tisu sekeliling gigi adalah penyebab nanah atau abses otak yang jarang berlaku tetapi berbahaya.

Bagi gigi bawah, jangkitan boleh merebak ke kawasan leher dan saluran pernafasan. Dalam kes yang lebih serius, ia boleh menyebabkan *Ludwig's angina*, satu keadaan yang mengancam nyawa ekoran saluran pernafasan akan tertutup akibat bengkak yang teruk.



Menurut kajian diterbitkan dalam *International Journal of Oral and Maxillofacial Surgery* pada tahun 2019, Ludwig's angina memerlukan rawatan segera kerana risiko komplikasi maut.

Bagaimanapun, kajian dari *The American Journal of Emergency Medicine* menyatakan, kadar kematian akan menurun secara drastik dari 50 peratus kepada lapan peratus jika pesakit mendapat rawatan yang mencukupi.

**Jenis rawatan**

Rawatan untuk jangkitan kuman dari gigi bergantung kepada tahap jangkitan.

Beberapa pendekatan rawatan yang biasa dilakukan termasuklah rawatan akar gigi, pengambilan antibiotik, pembedahan, dan cabutan gigi.

Rawatan akar gigi adalah pilihan utama jika jangkitan telah mencapai pulpa gigi, iaitu tisu lembut di tengah gigi yang mengandungi saraf dan salur darah.

Prosedur ini membolehkan pembersihan kawasan dijangkiti untuk membuang tisu yang rosak dan bakteria. Selepas itu, saluran akar akan diisi dan ditutup dengan bahan

tampalan untuk mencegah jangkitan semula.

Proses ini bukan sahaja membantu menyelamatkan gigi yang terjejas, tetapi juga memastikan fungsi gigi dapat dikekalkan untuk jangka masa panjang.

Pengambilan antibiotik pula diperlukan apabila jangkitan telah merebak ke kawasan sekeliling atau ke bahagian tubuh lain.

Antibiotik bertindak untuk mengawal penyebaran bakteria dan mengurangkan keradangan.

Bagaimanapun, antibiotik bukanlah pengganti rawatan mekanikal seperti pembersihan akar gigi atau pembedahan. Ia hanya digunakan sebagai rawatan tambahan untuk menangani jangkitan yang lebih serius.

Penting untuk mengambil antibiotik mengikut dos yang disarankan doktor gigi bagi memastikan keberkesanannya.

Dalam kes abses atau nanah telah terbentuk, pembedahan mungkin diperlukan untuk mengeluarkan nanah atau membuang tisu yang sudah dijangkiti.

Prosedur ini membantu mengu-

rangkan tekanan dan kesakitan, serta mencegah penyebaran jangkitan ke kawasan lain.

**Rawatan penggantian gigi**

Pembedahan juga mungkin membolehkan pembedahan kecil pada kawasan yang terjejas untuk membolehkan saluran nanah dilakukan.

Doktor gigi akan memastikan semua kawasan yang dijangkiti dibersihkan dengan teliti bagi mengelakkan komplikasi.

Jika gigi yang dijangkiti tidak dapat diselamatkan, cabutan gigi menjadi langkah terakhir untuk menghentikan penyebaran jangkitan.

Cabutan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati oleh doktor gigi bagi memastikan semua sisa gigi yang rosak dikeluarkan sepenuhnya.

Selepas cabutan, kawasan tersebut akan dibersihkan dan penjagaan selepas rawatan seperti pembilasan antiseptik akan diberikan untuk mengelakkan penyembuhan.

Pesakit juga mungkin disarankan mempertimbangkan rawatan penggantian gigi seperti implan atau jambatan untuk memastikan keseimbangan gigitan dan fungsi mulut.

Pendekatan rawatan yang diberikan bergantung kepada keadaan pesakit dan tahap keterukan jangkitan. Walaupun teknologi dan teknik rawatan semakin maju, pencegahan tetap menjadi langkah terbaik untuk mengelakkan komplikasi yang serius.

“Jika jangkitan bermula daripada gigi atas, ia boleh merebak ke sinus sehingga menyebabkan keradangan sinus atau lebih teruk, sehingga ke bahagian otak”

**info**

**Langkah pencegahan risiko jangkitan kuman pada mulut**

- Menjaga kebersihan mulut dengan baik termasuk membersih gigi dua kali sehari.
- Menggunakan ubat gigi berfluorida serta menggunakan flos bagi membantu membersihkan plak yang terkumpul di celah-celah gigi.
- Melakukan pemeriksaan berkala dengan doktor gigi setiap enam bulan bagi memastikan kebersihan dan kesihatan mulut sentiasa dalam keadaan baik.
- Mengamalkan pemakanan sihat, dengan mengurangkan pengambilan

makanan manis dan berkanji yang boleh meningkatkan risiko kerosakan gigi.

- Sebarang tanda awal seperti sakit gigi atau bengkak gusi harus dirawat dengan segera untuk mengelakkan komplikasi lebih serius.

